

Projek ekspo 5 badan untuk kutip derma

2 NOV 1981

LIMA buah pertubuhan Melayu di sini sedang membuat berbagai persiapan untuk projek mengadakan ekspo perdagangan yang dijadualkan berlangsung dalam masa enam bulan yang akan datang di berbagai tempat.

Mendahului senarai projek-projek itu ialah Persekutuan Sepaktakraw Amatur Singapura (Perses) yang akan mengadakan eksposisinya dari 7 November di tanah lapang antara simpang Corporation Road dengan Fourth Chin Bee Road, Jurong, bersebelahan dengan Stadium Jurong.

Kejohanan Asean

Setiausaha projek ekspo itu, Encik A Aziz Mustajab, memberitahu bahawa upacara erasmiannya akan dijalankan oleh Anggota Parlimen Kampong Kembangan, Haji Mansor Haji Sukaimi pada 7.30 malam.

Ekspo perdagangan yang akan berlangsung selama 37 hari ini merupakan salah satu ari usaha yang dijalankan oleh Perses untuk mengisi dana bagi membiayai berbagai kegiatan termasuk acara Kejohanan Sepaktakraw negara-negara Asean dan Brunei juga kedua, tahun depan.

Pencakar Silat

Singapura telah dipilih sebagai tuan rumah dalam pertandingan yang dijadualkan pada Jun tahun depan.

Menerusi projek ekspo ini, Perses menganggarkan akan dapat mengumpulkan kira-kira \$45,000.

Di samping itu, Perses juga bercadang untuk menganjurkan satu lagi acara ekspo perdagangan pada Januari hingga Mac depan.

Bagaimanapun, projek yang dijangkakan bertempat di kawasan Bedok itu masih dalam peringkat perancangan dan jika diluluskan oleh pihak-pihak yang berkenaan, Perses berharap dapat mengumpulkan tidak kurang dari \$40,000.

Sementara itu Himpunan Queenstown (HQ) pula akan mengadakan ekspo perdagangannya yang pertama dan dijangka berlangsung pada pertengahan Januari di kawasan Clementi.

Yang dipertua HQ, Encik Salman Simin, berkata bahawa pihaknya berharap dapat mengumpulkan antara \$50,000 dengan \$70,000 hasil dari projek ini.

Encik Salman juga memberitahu bahawa sebahagian dari hasil kutipan menerusi ekspo itu akan didermakan kepada Majlis Pendidikan Anak-Anak Islam (Mendaki).

Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura (MP) juga kini se-

dang menanti 'lampu hijau' untuk menganjurkan ekspo perdagangannya yang ketiga tahun depan.

Adalah difahamkan bahawa Majlis Pusat telahpun menetapkan tempatnya di kawasan lapang dekat Kolam Ayer. Seorang pegawainya memberitahu bahawa satu pertemuan akan diadakan dengan badan-badan kerabat lainnya setelah MP mendapat pengesahan dari pihak berkenaan.

Biayai kegiatan

Sebuah lagi badan yang berura-ura untuk mengadakan projek menambah kewangan menerusi ekspo ialah Sriwana. Bagaimanapun, difahamkan mereka masih menanti keputusan dari pihak berwajib dan tempatnya ialah di kawasan Geylang.

Begitu juga dengan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) yang difahamkan sedang merancang untuk mengadakan ekspo dalam usahanya menambahkan kewangan bagi membiayai segala kegiatan yang bakal dijalankan nanti.

Bagaimanapun, tidaklah diketahui sama ada badan-badan kerabat Persisi akan turut serta dalam menjayakan projek tersebut.

Majlis untuk 25 NOV 1981 jemaah haji

PENCAR SILAT

PERSATUAN Islam dan Pencaksilat Singapura akan menganjurkan Majlis Kesyukuran untuk para jemaah Haji Ustaz Mohd Taha Suhaimi pada 8.30 malam Jumaat ini di Madrasah Al-Maarif, Ipoh Lane.

Setiausahanya, Encik Abdul Khalid Aliman, menyeru setiap jemaah yang telah menerima surat undangan atau belum agar hadir ke majlis itu.

'Pemimpin muda penentu nyawa 16 DEC 1981 badan2'

PENCAR SILAT

LANGKAH menyediakan satu kumpulan tenaga muda yang bersiap menggantikan pucuk pimpinan sesebuah persatuan itu adalah perlu dalam menentukan bahawa persatuan tersebut dapat terus bergerak.

Setiausaha agung Persatuan Taman Pengajian Islam (Pertapis), Encik Hussein Abdullah, mengingatkan demikian sambil menarik perhatian bahawa dengan berpegang kepada dasar itulah Pertapis dapat terus bergerak hingga ke tahun ke-11 dan berharap akan dapat meneruskan usahanya demi faedah masyarakat, terutama yang muda.

Encik Hussein berkata demikian semasa berucap di majlis meraikan 'Malam Muhibah Pertapis' di Dewan Masyarakat Bedok North pada Ahad malam yang lalu.

Terkubur

Persatuan-persatuan juga, kata beliau lagi, harus bersedia menyesuaikan kegiatan-kegiatan mereka menurut keperluan semasa.

Encik Hussein juga menegaskan bahawa walaupun persatuannya merupakan sebuah persatuan bercorak Islam, namun ia tetap menjalankan kegiatan-kegiatan bercorak budaya yang berfaedah.

Ini, katanya, dijalankan bukanlah dengan tujuan bersaing dengan badan-badan lain yang menjalankan kegiatan-kegiatan budaya, tetapi semata-mata bagi menyediakan kegiatan berfaedah untuk mengisi masa lapang bagi para belia, selagi kegiatan itu tidak bertentangan dengan akidah Islam.

Cenderamata 16 DEC 1981

Acara pada malam itu telah dipenuhi dengan persembahan silat dari Sendeng Belalang dan Gastapes Panca Sakti serta permainan muzik dari Persatuan Orang-Orang Cacat Singapura.

Tetamu kehormat pada hari itu ialah Setiausaha Parlimen (Perdagangan dan Perusahaan merangkap Halehwal Masyarakat), Haji Sidek Haji Saniff, yang juga telah menyampaikan cenderamata kepada ahli-ahli Pertapis.

Pada sebelah siangnya, Pertapis mengadakan pasaria di Dewan Kampong Ubi dengan tujuan mendapatkan wang bagi dana pembinaan bangunan.